



جَبَاتَانْ هَالْ اَهْوَالْ اِغَامَا اِسلامْ نَغِيرِيْ سَابَاهْ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

02 RAMADAN 1447H/ 20 FEBRUARI 2026M

“RAMADAN BERTANDANG LAGI”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ وَبَعَثَ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أُولَى الْفَضْلِ الْعَظِيمِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarang. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan orang yang beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Ketahuilah, dunia ini hanyalah persinggahan sementara, manakala akhirat itulah negeri yang kekal selama-lamanya. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual, bermain telefon atau tidur. Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk ***“Ramadan Bertandang Lagi.”***

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Hari ini merupakan hari kedua kita berada dalam bulan Ramadan. Ketahuilah, kedatangan bulan Ramadan bagi orang yang beriman diibaratkan umpama sang kekasih yang amat dirindui dan dinantikan kehadirannya. Hati merasa rindu setelah hampir setahun berpisah dengannya. Begitulah suasana yang berlaku pada zaman para salafus soleh termasuk para sahabat Nabi SAW dan tabiin terdahulu. Mereka menanti-nanti kehadiran bulan Ramadan. Bahkan sepanjang tahun mereka sentiasa dalam kerinduan kepada bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Demikianlah kehangatan dan kesungguhan mereka menunggu ketibaan Ramadan yang mulia. Persoalannya, bagaimana pula dengan persediaan hati dan jasad kita?

Bulan Ramadan, bulan istimewa yang mengandungi pelbagai keistimewaan serta dijanjikan dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan sangat lumayan. Dalam bulan ini, difardukan ibadah puasa kepada sekalian umat Islam sebagaimana yang terkandung dalam surah al-Baqarah, ayat 183 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud: ***“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”***

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, jelas ibadah puasa adalah suatu syariat yang penting dan bukanlah suatu perkara yang baharu kerana umat terdahulu juga telah diperintahkan untuk berpuasa. Namun yang perlu kita tekankan ialah natijah kejayaan melaksanakan kewajipan berpuasa dengan berkualiti dan sempurna akan menghasilkan mukmin yang bertakwa.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Allah SWT telah memuliakan kita dengan menjadikan antara dua belas bulan dalam setahun terdapat satu bulan yang paling mulia dan berlimpah kebaikan, iaitu bulan Ramadan. Maka, alangkah ruginya bagi mereka yang diberi kesempatan bertemu dengan bulan Ramadan, akan tetapi mempersia-siakannya dengan tidak menghidupkan dan mengisi dengan amal ibadah serta berbagai amalan kebaikan. Begitu juga, amatlah rugi dan tidak beruntung bagi mereka yang bertemu bulan Ramadan namun tidak beroleh keampunan daripada Allah SWT serta mendapatkan pembebasan daripada api neraka. Hal ini telah ditegaskan dan diperingatkan oleh Baginda Rasulullah SAW dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam an-Nasaie dan Imam Ibnu Khuzaimah yang **bermaksud:**

“Wahai umat manusia, telah ada di hadapan kalian bulan agung yang penuh berkah, bulan yang di dalamnya terdapat malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Bulan yang Allah jadikan berpuasa di dalamnya sebagai kewajiban dan menghidupkan malam-malamnya sebagai amalan sunat. Bulan yang merupakan bulan kesabaran, dan pahala kesabaran adalah syurga. Bulan santunan, yang jika seseorang memberikan makanan berbuka kepada orang yang berpuasa, maka itu akan menjadi keampunan terhadap dosa-dosanya dan kemerdekaan dirinya daripada api neraka dan dia akan beroleh ganjaran pahala yang serupa dengan orang yang berpuasa tersebut tanpa mengurangi pahala orang berpuasa sedikitpun.”

SIDANG JAMAAH YANG BERBAHAGIA,

Ramadan yang kita sedang tempuhi ini merupakan detik dan masa yang sangat istimewa, masa untuk kita mendidik jiwa, melatih peribadi, jasmani dan rohani ke arah menjana iman dan takwa serta menghindari perkara-perkara maksiat, mungkar dan sia-sia. Ibadah puasa juga melatih sifat sabar dan menjadi benteng yang dapat melindungi diri seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat, serta dapat memelihara diri daripada seksaan azab di akhirat kelak. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawasanya, Rasulullah SAW bersabda:

الصَّيَامُ جُنَّةٌ، فَلَا يَرُفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ أَمْرُؤُ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ

Maksudnya: *“Puasa adalah perisai. Maka seseorang yang berpuasa janganlah berkata keji dan janganlah bertindak jahil. Jika seseorang hendak mengajaknya bergaduh atau memakinya, maka katakanlah: “Sesungguhnya aku berpuasa.” (Riwayat al-Bukhari)*

Dengan kehadiran bulan mulia ini, kita seharusnya mengambil peluang sebaik mungkin dengan memperbanyak amalan sunat, membudayakan diri berjamaah di masjid, membaca dan memahami ayat-ayat al-Quran, bertaubat, berdoa, melazimi lidah dengan zikir dan selawat serta bermacam amal ibadah dan amal kebaikan yang boleh dikerjakan. Rancanglah untuk memperbanyak amal ibadah dan kebajikan di bulan ini kerana jika kita tidak merancang, dikhuatiri Ramadan datang dan berlalu begitu sahaja tanpa kita sempat melakukan amal kebaikan yang banyak. Berapa ramai orang yang telah tertipu dengan hawa nafsunya sehingga Ramadan berlalu begitu sahaja. Ramadan hanya menjadi bulan pesta makanan dan pesta membeli-belah sahaja.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Semua jamaah juga diingatkan agar menghormati bulan Ramadan dengan memastikan agar tidak melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan kesucian bulan yang mulia ini. Kesalahan tidak menghormati bulan Ramadan termaktub dalam Seksyen 63, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah tahun 1995 yang melarang perbuatan orang Islam yang didapati makan, minum secara terbuka, atau menjual makanan/minuman kepada orang Islam lain untuk dimakan serta-merta pada waktu siang Ramadan boleh didenda tidak melebihi RM1,000.00, atau penjara tidak melebihi 6 bulan. Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Akhir sekali, marilah sama-sama kita renungkan firman Allah SWT melalui surah al-Isra' ayat 19:

وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَّشْكُورًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: "Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah berkatilah kami, limpahkanlah kasih sayang-Mu kepada kami serta rahmati kami di sepanjang bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. Telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com